



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
PARAS 25, KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10503 PULAU PINANG

TELAH REKOD



Bil Surat 64
Masuk _____
Keluar _____

Tel 04-262 1957
Faks 04-261 8618 / 04-261 3203 / 04-262 3010 (Pentadbiran)
Laman Web www.penang.gov.my

Ruj.Kami : PSUKPP.KP.400-8/2/1 Jld.10 (34)

Tarikh : 3 Ogos 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,



HEBAHAN PERMOHONAN BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IBITA) KERAJAAN NEGERI PULAU
PINANG TAHUN 2021

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke Institut Pengajian Tinggi (IBITA) berjumlah RM1,000.00 bagi (Universiti di Semenanjung), RM1,200.00 bagi (Universiti di Sabah atau Sarawak) dan RM300.00 bagi (Politeknik Malaysia). Bantuan ini diberikan bagi meringankan kos perbelanjaan pendaftaran khususnya kepada pelajar-pelajar sesi kemasukan pertama ke IPT tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

3. Sehubungan itu, Pentadbiran ini ingin memaklumkan bahawa Sistem Permohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT (iBITA) akan dibuka mulai **1 September 2021** sehingga **30 September 2021** bagi sesi kemasukan berikut:-

- 3.1) Sesi Akademik Peringkat Diploma bagi Lulusan SPM/ Setaraf
- 3.2) Sesi Akademik Peringkat Sarjana Muda bagi Lulusan STPM/ Matrikulasi/ Diploma/ Setaraf

4. Permohonan bantuan ini boleh dibuat melalui laman sesawang <http://ibita.penang.gov.my>. Kerjasama pihak tuan/puan untuk memaklumkan hebahan ini kepada semua pelajar terutamanya anak negeri penduduk tetap di Negeri Pulau Pinang.

...2/-

CEKAP AKAUNTABILITI TELUS



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO: 1445 02/06



CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT NO: 1445 02/06



CERTIFIED TO ISO 20000:2018
CERT NO: 1445 02/06

Ruj.Kami : PSUKPP.KP.400-8/2/1 Jld.10 (34)

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:-

- 5.1) Puan Ambika Devi A/P Daran - 04-6505662
(ambikadevi@penang.gov.my)
- 5.2) Puan Bairavi A/P Kadarasen - 04-6505125
(bairavi@penang.gov.my)
- 5.3) Puan Nur Aydawati binti Hamzah - 04-6505394
(nuraydawati@penang.gov.my)

6. Bersama-sama ini dikemukakan syarat-syarat permohonan dan senarai nama Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Politeknik Malaysia yang layak memohon bantuan ini untuk perhatian pihak tuan/puan selanjutnya. Kerjasama yang diberikan amatlah dihargai dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(AFFENDI RAJINI KANTH)
Ketua Penolong Setiausaha Kanan (BKP)
b.p. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pulau Pinang

☎ : 04-6505480

| |
|---|
| PEJABAT PENCIPTAAN POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIA 09000 KULIM |
| TUAN PUAN :  12/11/2020 |

PENGUMUMAN

Pemohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT dibuka mulai **1 September 2021 sehingga 30 September 2021** bagi :-

1. Sesi Akademik Peringkat Diploma bagi Lulusan SPM/ Setaraf ;
2. Sesi Akademik Peringkat Sarjana Muda Lulusan STPM/ Matrikulasi / Diploma / Setaraf.

Pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan mengikut senarai semak kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan dalam tempoh dua minggu dari tarikh penghantaran permohonan secara atas talian (*online*) dibuat atau **selewat-lewatnya pada 14 Oktober 2021 (Khamis)** sila rujuk **LAMPIRAN B** untuk mengetahui tarikh-tarikh penting Sistem Permohonan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT.

Pemohon dikehendaki mematuhi syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut akan menyebabkan permohonan akan ditolak.

TARIKH-TARIKH PENTING

BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE INSTITUT PENGAJIAN
TINGGI (IBITA)

| 1 SEPTEMBER 2021 – 30 SEPTEMBER 2021 PROGRAM DIPLOMA (LEPASAN SPM / SETARAF) PROGRAM SARJANA MUDA (LEPASAN STPM / MATRIKULASI / DIPLOMA / SETARAF) | |
|---|--|
| 01/09/2021 (Rabu) | Sistem Permohonan atas talian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT (iBITA) dibuka. |
| 30/09/2021 (Khamis) | Sistem Permohonan atas talian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT (iBITA) ditutup. |
| 14/10/2021 (Isnin) | Tarikh akhir penghantaran borang permohonan yang telah dicetak dari Sistem IBITA dan dokumen-dokumen sokongan ke Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan untuk diproses. |
| 29/10/2021 (Jumaat) | Semua PDT menghantar senarai nama dan statistik jumlah penerima berjaya kepada KPSUK (BKP). |
| 05/11/2021 (Jumaat) | Hebahan Keputusan Permohonan dalam Sistem iBITA. |

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

BANTUAN PENDAFTARAN PELAJAR KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IBITA)

1. Pemohon **WAJIB** mengisi borang permohonan secara atas talian (*ONLINE*) di laman sesawang <http://ibita.penang.gov.my/>
2. Pendapatan isi rumah (ibu/bapa/penjaga) tidak melebihi RM8,000.00. (Gaji Pokok Sahaja).
3. Ibu / Bapa / Penjaga (salah seorang) mestilah merupakan pengundi berdaftar di Pulau Pinang.
4. Pelajar yang ditawarkan ke **Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sepenuh Masa pada tahun semasa sahaja.**
5. Pemohon hanya layak menerima bantuan pendaftaran sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian bagi peringkat Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.
6. Kegagalan menghantar dokumen sokongan selepas tarikh tutup penghantaran akan ditolak.
7. Keputusan pemberian bantuan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.
8. Senarai dokumen sokongan yang perlu dikemukakan bersama borang permohonan yang telah dicetak melalui portal IBITA :
 - 8.1 Borang Permohonan dan Senarai Semak Dokumen yang dicetak melalui laman sesawang IBITA (<http://ibita.penang.gov.my/>)
 - 8.2 Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPTA/IPTS/Politeknik
 - 8.3 Salinan Resit Pembayaran Yuran Pendaftaran
 - 8.4 Salinan Kad Pengenalan Pelajar
 - 8.5 Salinan Kad Pengenalan Ibu **DAN** Bapa **ATAU** Penjaga
 - 8.6 Salinan Penyata Gaji terbaru/ Kad Pesara Ibu **DAN** Bapa **ATAU** Penjaga
 - 8.7 Penyata Pendapatan pasangan perlu disertakan bagi pemohon yang sudah berkahwin. (*Tidak Perlu dinyatakan dalam laman web, dalaman sahaja*)
 - 8.8 Ibu **DAN** Bapa **ATAU** Penjaga yang tiada penyata gaji/pendapatan tetap perlu membuat akuan di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.
****Semua dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh YB KADUN/ Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional/ Penghulu/ yang setaraf dengannya.**
9. Hanya 20 buah IPTA, 6 buah IPTS dan 36 buah Politeknik Malaysia sahaja yang layak memohon.